

Angkasa lancarkan pakej tunai umrah

KUALA LUMPUR 22 Ogos - Bagi membantu ahli koperasi menunaikan umrah, Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) melancarkan pakej umrah kasih sayang untuk memudahkan ahlinya ke Tanah Suci.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, pakej tersebut diperkenalkan menerusi kerjasama dengan syarikat pengendali umrah, Eco Riths Leisure Travel & Tour Sdn. Bhd. (Ecoriths).

"Menerusi pakej tersebut ahli boleh mengerjakan umrah dengan cara membuat pinjaman daripada koperasi.

"Koperasi akan membuat bayaran kepada syarikat pengendali umrah dan pinjaman akan dipotong daripada gaji ahli," katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran Program Umrah Koperasi Bersama Angkasa di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Presiden Angkasa, Datuk

Kamarudin Ismail serta Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Ecoriths, Datuk Rithsman Mohamed.

Dalam majlis tersebut, Angkasa menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Ecoriths.

Abdul Fattah memberitahu, kerjasama itu juga dijalankan untuk mengatasi masalah penipuan pakej yang dikendalikan oleh pihak tertentu.

"Kita dapati banyak isu penipuan berlaku sehingga hasrat ke Tanah Suci tidak kesampaian malah wang simpanan mereka lesap dilarikan pihak tidak bertanggungjawab.

"Dengan kerjasama ini Angkasa bertanggungjawab memastikan ahli dapat menunaikan umrah dengan selamat," katanya.

Katanya, pihaknya menasarkannya kira-kira 25,000 ahli akan menunaikan umrah menerusi pakej tersebut tahun depan.



**ABDUL FATTAH
ABDULLAH**